



## FINAL EXAMINATION

Semester	:	<b>SEPTEMBER 2025 SEMESTER</b>
Programme Name	:	<b>DIPLOMA OF ACCOUNTANCY DIPLOMA IN BUSINESS STUDIES DIPLOMA IN E-BUSINESS TECHNOLOGY DIPLOMA IN COMPUTER SCIENCE DIPLOMA IN ELECTRICAL AND ELECTRONICS ENGINEERING TECHNOLOGY DIPLOMA IN LOGISTICS MANAGEMENT</b>
Course Code & Name	:	<b>MPU2183 PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN</b>
Duration	:	<b>3 HOURS</b>

### INSTRUCTIONS TO CANDIDATES:

1. Please read the instructions given in the question paper **CAREFULLY**.
2. The question paper consists of **TWO (2)** sections.
3. Answer **ALL** questions in the question paper.
4. Answers to the questions are to be written into the examination booklet.
5. Electronic dictionaries, lecture notes, files or any unauthorised materials except writing equipment are strictly prohibited.

This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/ or graph papers (if any). Candidates are **NOT ALLOWED** to take any examination paper(s) used or unused out of the examination hall.

### WARNING:

The Examination Board of Peninsula College Georgetown regards cheating as a very serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from Peninsula College Georgetown.

*(This booklet contains 10 printed pages including this page)*

**DO NOT OPEN THIS BOOKLET UNTIL YOU ARE ALLOWED TO DO SO**

**Bahagian A: Soalan Objektif**

**[50 markah]**

Jawab **SEMUA** soalan objektif dalam kertas jawapan yang diberikan. Pilih satu jawapan yang paling tepat bagi setiap soalan. Pelajar tidak perlu menyalin semula soalan di kertas jawapan.

1. Apakah maksud perkataan etika menurut Kamus Dewan? (1 markah)
  - A. Tingkah laku yang diwarisi
  - B. Tradisi turun-temurun sesuatu bangsa
  - C. Sistem sosial yang diamalkan oleh masyarakat
  - D. Akhlak atau moral seseorang dalam kelakuan dan pergaulan
  
2. Etos berasal daripada perkataan Yunani yang bermaksud \_\_\_\_\_. (1 markah)
  - A. watak serta adat kehidupan sesuatu bangsa
  - B. sistem sosial yang diamalkan oleh masyarakat
  - C. tradisi upacara rasmi yang diamalkan oleh sesuatu bangsa
  - D. cara hidup moden yang menekankan kemajuan material dan perkembangan teknologi dalam masyarakat
  
3. Etiket merujuk kepada \_\_\_\_\_. (1 markah)
  - A. kelas sosial dalam masyarakat
  - B. keturunan dan sejarah keluarga
  - C. peraturan sosial atau profesional
  - D. keperibadian, nilai moral dan budi pekerti
  
4. Apakah perbezaan **UTAMA** antara adat resam dan adat istiadat? (1 markah)
  - A. Adat resam hanya untuk kaum Melayu, manakala adat istiadat untuk semua kaum
  - B. Adat resam lebih kepada upacara rasmi, manakala adat istiadat kepada kehidupan harian
  - C. Adat resam diamalkan setiap hari, manakala adat istiadat merujuk kepada upacara rasmi dan protokol
  - D. Adat resam ialah undang-undang bertulis, manakala adat istiadat ialah undang-undang tidak bertulis
  
5. Apakah yang dimaksudkan dengan “*superdiversity*”? (1 markah)
  - A. Proses pemisahan antara kumpulan etnik
  - B. Perpaduan budaya tanpa perbezaan agama
  - C. Kewujudan satu bangsa dominan dalam sesebuah negara
  - D. Kepelbagaian etnik yang kompleks akibat pengaruh globalisasi
  
6. Apakah sumber **UTAMA** yang menjadi asas kepada pembentukan etika dan peradaban dalam masyarakat? (1 markah)
  - A. Nilai, agama dan budaya
  - B. Adab, adat resam dan adat istiadat
  - C. Sejarah, struktur sosial dan biografi
  - D. Undang-undang, amalan harian dan kepercayaan

7. Dalam era prakolonial, apakah asas pembentukan etika masyarakat Melayu ketika itu? (1 markah)
- A. Etika masyarakat dipengaruhi oleh budaya Barat sepenuhnya
  - B. Etika masyarakat menolak semua bentuk kepercayaan tradisional
  - C. Etika masyarakat berpandukan ajaran agama, adat dan norma setempat
  - D. Etika masyarakat berasaskan sistem kapitalisme dan penjajahan ekonomi
8. Dalam masyarakat Cina, istilah *Ren* bermaksud \_\_\_\_\_. (1 markah)
- A. keadilan
  - B. kepercayaan
  - C. kebijaksanaan
  - D. perikemanusiaan
9. Dalam konteks etika masyarakat India, nilai *Satya* menekankan kepentingan \_\_\_\_\_. (1 markah)
- A. keadilan sosial dalam kalangan masyarakat
  - B. keharmonian dalam hubungan kekeluargaan
  - C. berpegang pada prinsip amanah serta kebenaran
  - D. melaksanakan tanggungjawab dengan penuh disiplin dan ketekunan
10. Apakah kesan imigrasi pada zaman penjajahan terhadap masyarakat Tanah Melayu? (1 markah)
- A. Melahirkan masyarakat majmuk
  - B. Menyebabkan kemunduran sosial
  - C. Menghapuskan sistem kesultanan
  - D. Mewujudkan masyarakat seragam
11. Antara berikut, yang manakah contoh etika deskriptif? (1 markah)
- A. Kritikan terhadap tindakan tidak beretika dalam perniagaan
  - B. Penetapan undang-undang bagi menghukum pesalah rasuah
  - C. Penilaian terhadap tindakan syarikat yang tidak menjaga alam sekitar
  - D. Kajian tentang pandangan masyarakat terhadap perkahwinan campur
12. Pilih contoh amalan segregasi yang berlaku di Tanah Melayu semasa penjajahan British. (1 markah)
- A. Masyarakat peranakan di Melaka
  - B. Perkahwinan campur antara etnik
  - C. Pemberian angpau dalam kalangan semua kaum
  - D. Sistem persekolahan pelbagai aliran mengikut kaum
13. Dalam proses akomodasi, etnik-etnik berbeza akan \_\_\_\_\_. (1 markah)
- A. menyerap budaya dominan
  - B. menghormati satu sama lain
  - C. menerima pengaruh budaya luar
  - D. menolak semua bentuk budaya asing

14. Komuniti Baba dan Nyonya di Melaka merupakan hasil daripada proses \_\_\_\_\_. (1 markah)
- A. asimilasi
  - B. akulturasi
  - C. akomodasi
  - D. amalgamasi
15. Antara berikut, yang manakah menggambarkan proses akulturasi? (1 markah)
- A. Menghormati cara sembahyang kaum lain
  - B. Perkahwinan campur antara etnik yang berbeza
  - C. Orang Cina dan India di Kelantan yang bertutur dalam dialek Melayu Kelantan
  - D. Pemberian *ang pau* ketika musim perayaan yang telah diterima oleh semua kelompok etnik di Malaysia
16. Antara berikut, yang manakah menunjukkan persamaan etika antara agama di Malaysia? (1 markah)
- A. Menekankan kasih sayang dan tolong-menolong sesama manusia
  - B. Menjalankan aktiviti kemasyarakatan dalam kelompok yang terhad
  - C. Menggalakkan amalan yang berbeza mengikut tradisi masing-masing
  - D. Memberi penekanan kepada kepentingan komuniti tertentu dalam situasi tertentu
17. Apakah kesan **UTAMA** dasar Pecah dan Perintah British terhadap masyarakat Tanah Melayu? (1 markah)
- A. Menyatukan semua kaum
  - B. Membentuk polarisasi etnik
  - C. Menghapuskan sistem feodal
  - D. Menggalakkan integrasi nasional
18. Dalam era pasca-kolonial, usaha membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat dijalankan melalui \_\_\_\_\_. (1 markah)
- A. Dasar Ekonomi Baru
  - B. Dasar Rukun Negara
  - C. Dasar Pandang ke Timur
  - D. Dasar Pendidikan Kebangsaan
19. Mengapakah Selat Melaka dilihat sebagai pusat pertembungan dan interaksi pelbagai kaum pada zaman Kesultanan Melayu Melaka? (1 markah)
- A. Selat Melaka menjadi tempat pentadbiran utama penjajah British
  - B. Selat Melaka menjadi kawasan penempatan awal orang Melayu sahaja
  - C. Selat Melaka menjadi tempat pertemuan pelbagai bangsa melalui aktiviti perdagangan
  - D. Selat Melaka menjadi tempat tumpuan untuk pengajian agama dan sistem perundangan tradisional

20. Antara berikut, yang manakah termasuk dalam prinsip utama penyatupaduan menurut Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)? (1 markah)
- A. Pendidikan, politik dan agama
  - B. Pemisahan, penguasaan dan kuasa
  - C. Tawar-menawar, perundingan dan mediasi
  - D. Polisi paksaan, rundingan dan undang-undang
21. Apakah asas utama dalam pembinaan negara bangsa Malaysia? (1 markah)
- A. Perpaduan kaum
  - B. Kekayaan sumber alam
  - C. Pengaruh budaya asing
  - D. Peningkatan kadar urbanisasi
22. Mengapakah penting untuk mengurus defisit sosial dengan baik dalam masyarakat berbilang kaum? (1 markah)
- A. Menggalakkan interaksi yang lebih kerap antara jiran tanpa mengambil kira sensitiviti budaya
  - B. Mengukuhkan proses pembentukan etos nasional Malaysia melalui nilai kebersamaan
  - C. Mempromosikan dasar sosial negara yang berkesan bagi memastikan kestabilan negara terjamin
  - D. Mewujudkan masyarakat yang hanya memahami budaya sendiri tanpa perlu mempelajari budaya lain
23. Apakah yang dimaksudkan dengan etos nasional menurut Tun Dr. Mahathir Mohamad? (1 markah)
- A. Penyesuaian cara hidup masyarakat dengan pengaruh luar
  - B. Pembangunan negara melalui kemajuan teknologi dan ekonomi
  - C. Semangat dan nilai bersama yang membentuk jati diri bangsa Malaysia
  - D. Usaha mewujudkan keseragaman sosial tanpa mengira kepelbagaian kaum
24. Antara berikut, yang manakah contoh detik perpaduan dalam masyarakat Malaysia? (1 markah)
- A. Kempen politik berasaskan kaum
  - B. Amalan rumah terbuka semasa perayaan
  - C. Interaksi mesra dengan rakan sekerja di pejabat
  - D. Penggunaan bahasa kebangsaan di dalam kelas
25. Apakah yang dimaksudkan dengan Perlembagaan Persekutuan? (1 markah)
- A. Peraturan tidak rasmi yang diamalkan oleh rakyat
  - B. Undang-undang yang digubal oleh kerajaan negeri
  - C. Garis panduan sementara bagi pentadbiran kerajaan
  - D. Undang-undang tertinggi negara yang menjadi asas pemerintahan

26. Siapakah yang menggubal Perlembagaan Persekutuan Malaysia? (1 markah)
- A. Parlimen British
  - B. Majlis Raja-Raja
  - C. Suruhanjaya Reid
  - D. Jawatankuasa Perikatan
27. Antara pernyataan berikut, yang manakah menunjukkan contoh tapak integrasi pada peringkat makro? (1 markah)
- A. Restoran mamak
  - B. Kenduri perkahwinan
  - C. Perlembagaan Persekutuan
  - D. Pertubuhan bukan kerajaan
28. Bagaimanakah pengetahuan tentang Perlembagaan membantu membentuk etika dan tanggungjawab seorang warganegara dalam masyarakat majmuk? (1 markah)
- A. Dengan menolak nilai tradisi yang berasaskan adat dan agama
  - B. Dengan menanam rasa hormat terhadap hak dan kepelbagaian setiap kaum
  - C. Dengan menggalakkan persaingan antara kumpulan etnik untuk mendapatkan pengaruh politik
  - D. Dengan memberi keutamaan kepada hak individu berbanding tanggungjawab sosial
29. Peranan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam mengukuhkan kesepaduan nasional dapat dilihat apabila \_\_\_\_\_. (1 markah)
- A. kerajaan menyekat semua media digital bagi mengelakkan perpecahan
  - B. masyarakat menggunakan platform digital untuk menyebarkan maklumat
  - C. pengguna mengutamakan hiburan semata-mata dalam penggunaan media sosial
  - D. media sosial dijadikan ruang membina komunikasi antara kaum secara berhemah
30. Perkembangan teknologi komunikasi seperti media sosial boleh menjarakkan hubungan manusia apabila \_\_\_\_\_. (1 markah)
- A. digunakan sebagai alat komunikasi jarak jauh
  - B. digunakan untuk pembelajaran dan urusan rasmi
  - C. menyediakan akses maklumat kepada masyarakat
  - D. disalah guna untuk menyebarkan kebencian dan berita palsu
31. Dalam konteks etika komunikasi digital, apakah amalan **TERBAIK** bagi memastikan keharmonian dalam penggunaan media sosial? (1 markah)
- A. Berinteraksi dengan kaum lain
  - B. Menyuarakan pendapat secara terbuka
  - C. Berkongsi maklumat yang menarik tanpa menyemak kesahihannya
  - D. Menghormati privasi dan hak individu lain ketika berinteraksi atas talian

32. Mengapakah dunia siber sering digambarkan sebagai "*digital jungle*" dalam konteks etika dan peradaban? (1 markah)
- A. Ia menggantikan sistem kerajaan
  - B. Ia hanya digunakan oleh golongan elit
  - C. Ia tiada peraturan sejagat yang mengawal penggunaannya
  - D. Semua orang bebas menggunakan tanpa sambungan Internet
33. Mengapakah amalan rumah terbuka semasa perayaan dianggap sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia? (1 markah)
- A. Mencerminkan kawalan kerajaan
  - B. Menarik perhatian pelancong asing
  - C. Mengekalkan adat tanpa kesan sosial
  - D. Menggalakkan interaksi dan perpaduan
34. Apakah maksud negara bangsa? (1 markah)
- A. Negara yang baru mencapai kemerdekaan
  - B. Negara yang mempunyai pelbagai sistem politik
  - C. Negara yang mempunyai pelbagai agama dan budaya
  - D. Negara yang bersatu di bawah satu pemerintahan dan identiti bersama
35. Antara pilihan berikut, yang manakah merupakan langkah **EFEKTIF** dalam memperkukuh pembinaan bangsa Malaysia? (1 markah)
- A. Globalisasi tanpa kawalan budaya
  - B. Kemajuan ekonomi tanpa nilai moral
  - C. Pendidikan berteraskan nilai perpaduan
  - D. Pengasingan sistem pendidikan mengikut kaum
36. Apakah kesan sekiranya rakyat tidak memahami konsep negara bangsa? (1 markah)
- A. Rakyat akan menolak politik moden
  - B. Rakyat menjadi lebih berani bersuara
  - C. Rakyat mudah berpecah dan kehilangan identiti nasional
  - D. Rakyat lebih fokus dan bergerak ke arah pembangunan ekonomi
37. Dalam perspektif Barat, apakah kesan **UTAMA** sekularisme terhadap nilai etika masyarakat? (1 markah)
- A. Memperkuatkan nilai moral tradisional
  - B. Meningkatkan peranan gereja dalam masyarakat
  - C. Menggabungkan agama dalam semua urusan sosial
  - D. Memisahkan agama daripada kehidupan sosial dan politik

38. Tujuan Rukun Negara diperkenalkan adalah untuk \_\_\_\_\_. (1 markah)
- A. mengawal kegiatan politik
  - B. menghapuskan perbezaan budaya
  - C. menggantikan Perlembagaan Malaysia
  - D. menjadi panduan nilai dan moral rakyat Malaysia
39. Pilih jawapan yang **SALAH** tentang takrifan autoriti. (1 markah)
- A. Protokol adat istiadat diraja
  - B. Pelantikan Perdana Menteri
  - C. Budaya menolong jiran ketika susah
  - D. Perlembagaan Persekutuan Malaysia
40. Apakah yang dimaksudkan dengan tanggungjawab sosial? (1 markah)
- A. Aktiviti yang memfokuskan keperluan dalaman organisasi sahaja
  - B. Usaha yang memberi manfaat kepada masyarakat dan persekitaran
  - C. Usaha yang dijalankan untuk meningkatkan imej diri atau organisasi
  - D. Tindakan yang menekankan kepentingan operasi harian tanpa melibatkan komuniti
41. Mengapakah kerja kesukarelawanan penting dalam mendokong tanggungjawab sosial? (1 markah)
- A. Menunjukkan sokongan terhadap program dan dasar kerajaan
  - B. Membantu membina semangat kebersamaan serta keprihatinan sosial
  - C. Memberi peluang kepada individu melibatkan diri dalam aktiviti masyarakat
  - D. Menambah pengalaman baharu meskipun individu mempunyai komitmen lain
42. Siapakah yang bertanggungjawab melantik Perdana Menteri Malaysia? (1 markah)
- A. Dewan Rakyat
  - B. Jemaah Menteri
  - C. *Speaker* Parlimen
  - D. Yang di-Pertuan Agong
43. Apakah contoh tanggungjawab sosial korporat? (1 markah)
- A. Mengadakan promosi jualan murah di pasar raya
  - B. Menganjurkan pertandingan bola sepak antara pekerja
  - C. Menyediakan kemudahan eksklusif untuk kakitangan syarikat
  - D. Melaksanakan program penanaman pokok di kawasan awam
44. Mengapa konsep takrifan harian memainkan peranan penting dalam membina hubungan sosial? (1 markah)
- A. Menentukan hala tuju dan pelaksanaan dasar sosial masyarakat
  - B. Menekankan kepentingan peraturan serta peranan pihak berkuasa
  - C. Membantu memahami nilai, norma dan amalan sosial dalam kehidupan seharian
  - D. Menggalakkan penerimaan dan penyesuaian terhadap kepelbagaian budaya tempatan

45. Apakah maksud istilah "lestari"? (1 markah)
- A. Penghapusan nilai lama
  - B. Sesuatu yang baru dan moden
  - C. Perubahan drastik terhadap budaya
  - D. Pengekalan dan penerusan sesuatu perkara
46. Antara berikut, yang manakah merupakan faktor **UTAMA** mengapa rasuah dan kegiatan ekonomi gelap (*black economy*) menjadi ancaman kepada kelestarian peradaban? (1 markah)
- A. Melemahkan sistem moral dan nilai integriti masyarakat
  - B. Meningkatkan jurang sosial antara golongan kaya dan miskin
  - C. Menggalakkan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pemimpin
  - D. Menjejaskan keyakinan pelabur luar negara terhadap ekonomi negara
47. Pilih amalan yang dapat memperkukuh kelestarian etika dan peradaban di Malaysia. (1 markah)
- A. Memelihara kesopanan dalam berkomunikasi
  - B. Menyertai aktiviti kecergasan untuk menjaga kesihatan diri
  - C. Mengamalkan sikap individualistik dalam kehidupan seharian
  - D. Menghargai kepelbagaian budaya dan kepercayaan masyarakat
48. Apakah peranan etika dan peradaban dalam masyarakat majmuk di Malaysia? (1 markah)
- A. Menentukan hierarki sosial dalam kalangan masyarakat
  - B. Membentuk perbezaan pandangan antara kumpulan etnik
  - C. Menyokong pelaksanaan dasar dan sistem ekonomi negara
  - D. Menggalakkan amalan nilai moral dan keharmonian dalam masyarakat
49. Mengapakah masyarakat Malaysia perlu mengekalkan nilai etika dan moral tempatan? (1 markah)
- A. Untuk mempertahankan identiti dan jati diri bangsa
  - B. Untuk memupuk semangat persaingan antara budaya
  - C. Untuk mengelakkan kehilangan arah dalam arus globalisasi
  - D. Untuk memastikan kestabilan sosial dan keharmonian masyarakat
50. Apakah ciri **UTAMA** individu yang berintegriti? (1 markah)
- A. Cepat membuat keputusan
  - B. Suka bekerja dalam kumpulan
  - C. Bertindak jujur dan amanah dalam setiap urusan
  - D. Mengutamakan orang lain lebih daripada diri sendiri

**Bahagian B: Soalan Struktur**

**[50 markah]**

Jawab **SEMUA** soalan dalam kertas jawapan yang diberikan.

1. a) Jelaskan **EMPAT** unsur tradisi utama dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Sertakan satu contoh untuk setiap satu jawapan. (12 markah)
  
  - b) Jelaskan perbezaan antara perlembagaan bertulis dan perlembagaan tidak bertulis. (4 markah)
  
  - c) Jelaskan **TIGA (3)** cara berkesan yang boleh diamalkan oleh rakyat Malaysia untuk mencapai perpaduan dan integrasi nasional dalam masyarakat majmuk. Sertakan satu contoh untuk setiap satu jawapan. (9 markah)
- Total: [25 marks]
- 
2. a) Jelaskan **LIMA (5)** gejala negatif yang berkaitan dengan penggunaan ICT. (10 markah)
  
  - b) Senaraikan **LIMA (5)** peraturan etika yang perlu diamalkan oleh pengguna ICT. (5 markah)
  
  - c) Jelaskan **LIMA (5)** cabaran yang dihadapi dalam usaha membina bangsa Malaysia. (10 markah)
- Total: [25 marks]

**- KERTAS SOALAN TAMAT -**